

Nasib Adi Putra si genius matematik

SEMINGGU sebelum diturunkan dari ibu pejabat di Kuala Lumpur ke biro Kosmo' di Putrajaya, penulis telah ditugaskan oleh bekas Pengurus Kosmo', Datuk Baharwan Mahusin untuk membuat laporan khas mengenai nasib pelajar genius, Adi Putra Abdul Ghani, 19 yang masih tidak memiliki sijil sah pengajian baik di peringkat sekolah mahupun universiti.

Adi Putra yang sebelum ini pernah mengamparkan negara dengan kemampuannya menyelesaikan masalah matematik pada usia enam tahun kembali menarik perhatian selepas beritanya terpampang di media depan akhir.

Berita sama yang dimuat naik di laman web Kosmo' kemudiannya dikongsi semula di pelbagai portal berita dan medium media sosial termasuk Facebook dan Twitter.

Perhatian yang diterima suatu ketika dahulu mungkin tidak sama berbanding apa yang perlu dihadapi Adi Putra pada zaman milenium ini dengan adanya capaian maklumat pantas di hujung jari.

Genius tidak semestinya memperoleh gred A dalam semua subjek sebaliknya Dewan Bahasa dan Pustaka mentafsirkan genius sebagai sangat pintar atau cerdas dalam bidang tertentu.

Sebagai kanak-kanak berusia lapan tahun ketika itu, dia tidak mempunyai kapasiti untuk membant keputusan bagi pihak dirinya.

Tambahan pula, dia perlu menimbangkan pelbagai aspek lain termasuk kewangan yang diakui menjadi penghalang utama buat dirinya mengembangkan bakat meskipun pernah ditawarkan mengikuti program khusus di Rusia, Qatar, China, Amerika Syarikat dan England.

Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, kita perlu melihat nasib remaja genius seperti Adi Putra daripada perspektif lebih luas kerana Malaysia tidak boleh lagi kehilangan bakat pintar kepada negara-negara luar pada masa akan datang.

Pengarah Pusat Permata Pintar Negara di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Noriah



Di Sebalik Isu Panas

Bersama NOR IDAYU BOSRO

Mohd. Isbak ketika dihubungi baru-baru ini mengkritik, negara mengalami kerugian dari segi aset baka pintar selepas golongan berbakat menjadi sistam negara luar untuk direkrut ke dalam sistem pendidikan mereka.

Untuk itu beliau berkata, kepintaran mereka dalam bidang tertentu menjadi aset penting bagi membantu memacu negara bergerak ke arah merealisasikan Revolusi Perindustrian 4.0 dalam jangka masa panjang.

Menurutnya, negara bagaimanapun tidak mempunyai peruntukan yang menyifatkan akses pembelajaran kepada pelajar genius.

“Genius tidak semestinya memperoleh gred A dalam semua subjek sebaliknya Dewan Bahasa dan Pustaka mentafsirkan genius sebagai sangat pintar atau cerdas dalam bidang tertentu.”

“Kejagalan menyediakan pendidikan bersepadu diutamakan akan membuka risiko penghijrahan mereka ke negara luar sekali gus mengakibatkan Malaysia kehilangan aset pelajar berbakat.”

“Sistem pendidikan formal sedia ada memadai bagi kebanyakan pelajar namun ia mungkin tidak dapat memenuhi keperluan pelajar pintar yang lebih cenderung terhadap subjek atau perkara tertentu seperti matematik, teknologi dan sebagainya,” jelasnya.

Buat masa ini, Pusat Permata Pintar UKM merupakan satu-satunya pusat pembelajaran untuk golongan pelajar genius dengan pendekatan subjek seperti matematik, robotik, bioteknologi, astrofizik dan sains penerbangan.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, pengubahsuaian dari segi dasar pendidikan perlu dikaji semula bagi mempertingkatkan hala tuju golongan genius kerana setiap pelajar memiliki latar belakang berbeza.

“Pihak universiti seharusnya mempunyai platform yang boleh dipertimbangkan asas kekuatan diri pelajar genius tersebut.”

Diharapkan dengan adanya gesaan dan suranan yang mahu kerajaan mewujudkan lebih banyak sekolah khas buat pelajar genius dapat menamatkan polemik nasib dan hala tuju pendidikan golongan berkenaan.



KEHEBATAN SEKEPING FOTO



SEJUMLAH robot untuk kegunaan melayan pelanggan telah siap dipasang di sebuah kilang di Lianyungang, wilayah Jiangsu di China.